

# Bahana media sosial

**K**ESAN buruk daripada media baharu dilihat begitu mudah tersebar dan meresap dalam gaya hidup masyarakat masa kini terutama dalam kalangan generasi muda.

Tidak dapat dinafikan, letusan teknologi tersebut turut mengundang pelbagai permasalahan ekoran mudah terbuai dan taksu dengan sajian yang dibekalkan oleh media sosial.

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Muhamad Faisal Ashaari** berkata, media baharu seperti media sosial ternyata membentuk manusia menjadi insan bersifat individualistik iaitu tidak lagi mahu bergaul dan bermasyarakat, sebaliknya memilih hubungan secara alam maya.

Malah lebih teruk menurutnya, akibat terlalu bergantung kepada teknologi, manusia tidak lagi mengambil berat hubungan antara satu sama lain kerana menyakini kehidupan seharian dapat diselesaikan atau dipermudah menerusi teknologi sedia ada.

Ekoran itu katanya, budaya gotong royong dan sikap bantu membantu menjadi semakin

## ragam & pengajaran

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**  
agama@utusan.com.my



terhakis dalam masyarakat, selain tagline 'ada aku kesah' menjadi pegangan dalam diri mereka yang bersifat individualistik.

"Selain itu, elemen kelainan dan kejanggalan menjadi semakin popular dan menular dalam masyarakat. Apa sahaja yang pelik atau aneh pasti mahu ditonjolkan kepada orang ramai, malah berusaha melakukan apa yang di luar daripada kebiasaan atau 'rare'.

"Pada masa ini, individu seakan-akan sudah tidak kesah dengan apa orang akan perkata demi mencari kelainan. Malah mereka juga sanggup mengkritik tradisi atau kebiasaan dalam masyarakat," katanya ketika berucap sempena penganjuran Seminar Dakwah Peringkat Antarabangsa kali ketiga di UKM, Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Pada masa ini, individu seakan-akan sudah tidak kesah dengan apa orang akan perkatakan demi mencari kelainan."

Seminar tersebut turut dihadiri kumpulan mahasiswa dan tenaga pengajar dari Universitas Ibn Khaldun, Bogor, Indonesia.

Selain itu, majlis ilmu itu diserikan lagi dengan kehadiran pendakwah terkenal negara, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid yang terlibat sama dalam forum bertajuk 'Cabaran Dakwah Dalam Dunia Terhubung'.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi (COO) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Datuk Dr. Mazlan Ismail yang membicarakan penyebaran



IBU bapa perlu memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak agar sikap individualistik dapat dihakis dalam diri mereka. - GAMBAR HIASAN

berita palsu bawah tajuk 'sebenarnya.my: Tidak Pasti Jangan Kongsi'.

### HILANG PERTIMBANGAN

Mengulas lanjut, Muhamad Faisal berkata, berbicara dalam media sosial, generasi muda kebiasaannya akan menggunakan bahasa digital

yang kadangkala sukar difahami. Jelasnya, perkara tersebut boleh menyebabkan berlakunya lemah pertimbangan kemanusiaan, malah lebih teruk mengakibatkan hilang rasa hormat kepada orang lebih tua menerusi kesan komunikasi tanpa hierarki berdasarkan laras bahasa kasar.

Selain itu katanya, semua pihak mahu bercakap tentang kebebasan dan hak, tetapi sebenarnya lebih menjerus kepada keinginan sendiri, sekali gus agama yang berteraskan kepada tanggungjawab dikurangkan sebaliknya hak diri dan kepuasan nafsu diagungkan. "Sebagai contoh perbuatan menukar jantina yang dilabelkan sebagai hak individu dan bukan lagi dibataskan dengan ketetapan dalam agama," katanya.

Tambahnya, media baharu seakan akan mengajar tentang kesongsangan hidup terutama kecenderungan dalam menarik perhatian orang ramai kepada diri mereka menerusi hak dan kebebasan 'berkarya' di laman sosial masing-masing.

Katanya, seolah-olah mempunyai kebebasan tanpa sempadan, semua perkara tanpa mengira buruk baik mahu ditonjolkan termasuk menuru cara dan budaya hidup songsang masyarakat Barat.



MASIH adakah sikap tolong menolong sebegini dalam masyarakat masa ini? - GAMBAR HIASAN